



MOD.100-2/1/2 Jld 7 () 05/06

PROGRAM DIGITALISASI SEKOLAH DALAM KEM
PERINGKAT SEKOLAH KEBANGSAAN SULTAN SIR IBRAHIM
DALAM USAHA MENDOKONG DASAR PENDIDIKAN DIGITAL NEGARA

1. **JOHOR, 17 Jun 2025** – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly Zahari telah menyempurnakan **Majlis Peluncuran Program Digitalisasi Sekolah Dalam Kem (SDK) Sekolah Kebangsaan Sultan Sir Ibrahim (SK Sultan Sir Ibrahim), Mersing, Johor**. Di dalam majlis tersebut, YB Timbalan Menteri Pertahanan telah merasmikan Affin Digital Space SK Sultan Sir Ibrahim iaitu sebuah studio teknologi layar hijau (*green screen*) untuk kegunaan pelajar dan pendidik- dalam melaksanakan program-program media dengan kandungan kreatif.
2. **Affin Digital Space SK Sultan Sir Ibrahim** adalah merupakan inisiatif Kementerian Pertahanan ke arah membudayakan teknologi kreatif dikalangan anak-anak **Warga Kerja Pertahanan (WKP)**. Ia menyokong Dasar Pendidikan Digital yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada Tahun 2023 dengan matlamat melahirkan murid fasih digital bagi memenuhi era digital. Selain itu ia juga mengupayakan pendidik dan pemimpin pendidikan untuk mengintegrasikan teknologi digital dalam ekosistem pendidikan, memperkukuh infrastruktur dan kandungan pendidikan digital serta mengoptimumkan penglibatan aktif rakan strategik sebagai pemangkin pendidikan digital.
3. Sebagai permulaan, pada tahun ini **Kementerian Pertahanan menyasarkan tiga buah SDK sebagai projek rintis dengan kerjasama rakan-rakan strategik iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Affin Bank Berhad**. Dua buah sekolah yang telah menerima manfaat tersebut ialah SK KEMENTAH pada 13 Mac 2025 dan SK TUDM pada 2 Mei 2025.
4. Semasa majlis, kru SK Sultan Sir Ibrahim telah menyampaikan taklimat tentang penggunaan layar hijau, teknik suntingan menggunakan aplikasi suntingan dan teknik pencahayaan dalam penghasilan video. Turut dipersembahkan proses rakaman video pendek (*real live*) yang turut mengundang YB Menteri Pertahanan sebagai salah seorang tetamu jemputan dalam program bertajuk 'Bicara Pemimpin'.
5. Di dalam majlis yang sama, **YB Timbalan MENHAN telah menyaksikan sesi penyerahan cek replika oleh Encik Mohammad Fairuz Mohd Radi, Pengarah Perbankan Komuniti Kumpulan Affin Bank Berhad kepada Encik Zulnika bin Ramli, Guru Besar SK Sultan Sir Ibrahim**. Penyerahan cek replika tersebut adalah simbolik kepada sumbangan dari pihak Affin Bank Bhd kepada pihak sekolah dalam merealisasikan penubuhan Affin Digital Space SK Sultan Sir Ibrahim. Ia memperlihatkan usaha Kementerian Pertahanan menyokong **Fokus 4: Memperkukuh Ekosistem**

Kesejahteraan – Perutusan Tahun Baharu Menteri Pertahanan 2025 serta selaras dengan pelbagai agenda nasional termasuk agenda **Membangun Negara MADANI** dan **Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara** serta cabaran dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

6. Turut hadir dalam Majlis Peluncuran Program Digitalisasi SK Sultan Sir Ibrahim pada pagi ini ialah Timbalan Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota; Brigedier Jeneral Hamdan bin Ahmad TUDM, Panglima 7 Briged; Brigedier Jeneral Zulhelmi bin Masdar, Pengarah Pendidikan Negeri Johor; Haji Mohd Hanafi bin Samad, Pengarah Pendidikan ATM; Kolonel Mohd Sharif bin Ishak dan seluruh warga SK Sultan Sir Ibrhahim.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 17 Jun 2025